



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Emel* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**28 November 2019**

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD, PENERUSI  
PAC PARLIMEN MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG  
MENGENAI LAPORAN PAC PARLIMEN  
BERHUBUNG  
PEMBANGUNAN *AIR MOBILITY***

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen berhubung Pembangunan *Air Mobility* di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).
2. PAC Parlimen mengadakan empat prosiding berhubung isu ini dengan menggunakan punca kuasa PM77 (1)(d) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat '*...apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada Jawatankuasa itu.*' Ia disebabkan isu pembangunan *air mobility* ini, tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

3. Jawatankuasa ini mengadakan prosiding diadakan untuk isu ini, pada 14 Mei 2019, 19 Jun 2019 dan 3 September 2019 dengan memanggil enam saksi daripada Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jabatan Perdana Menteri (JPM), *Malaysia Industrial Government of High Technology (MIGHT)*, sebuah syarikat di bawah JPM serta Pengarah Urusan VentureTech Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat pelaburan milik MIGHT.
  
4. Mereka yang dipanggil sebagai saksi termasuk Datuk Seri Mohd Redzuan Md. Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan; Datuk Wan Suraya Wan Md Radzi, Ketua Setiausaha MED; Datuk Seri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) MITI; Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM; Datuk Dr. Mohd Yusoff Sulaiman, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif MIGHT dan Dr Norida Abdul Rahman, Pengarah Urusan VentureTech Sdn Bhd.
  
5. Dalam prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan mengenai isu-isu seperti;
  - i) Pencetus Projek Pembangunan `Kereta Terbang`;
  - ii) Pembentangan Kertas Mengenai Pembangunan `Kereta Terbang` Untuk Kelulusan Kabinet;
  - iii) Penglibatan Kementerian / Jabatan dan Agensi-agensi Lain Dalam Pembangunan Air Mobility;

- iv) Pelaburan Kerajaan Dalam Aerodyne Ventures Sdn Bhd (AVSB); dan
- v) Hala tuju Pembangunan Air Mobility / `kereta terbang' di Malaysia,

6. Hasil daripada prosiding berkenaan, PAC Parlimen membuat rumusan bahawa:

- i) PAC Parlimen mendapati pengumuman tentang pembangunan projek `kereta terbang' oleh YB Menteri Pembangunan Usahawan telah dibuat terlalu awal tanpa perancangan yang teliti dan tanpa memaklumkan kepada Kabinet;
- ii) Walaupun Menteri Pembangunan Usahawan mempromosikan projek ini seolah-olah ia adalah projek nasional, PAC Parlimen mendapati bahawa sebenarnya projek ini adalah inisiatif swasta;
- iii) PAC Parlimen juga mendapati MITI serta MIGHT tidak dirujuk langsung dalam menentukan hala tuju pembangunan air mobility, khususnya projek `kereta terbang' di Malaysia;
- iv) Menteri Pembangunan Usahawan sudah membuat promosi mengenai AVSB secara terbuka sejak Februari 2019. Bagaimanapun ketika prosiding PAC Parlimen, Kerajaan belum membuat *due diligence* terhadap AVSB sama ada berkaitan kewangan, hak milik intelek, kepakaran dan kapasiti untuk membangunkan `kereta terbang';

- v) Walaupun Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan projek 'kereta terbang' merupakan inisiatif swasta dan tidak menggunakan dana Kerajaan dalam projek 'kereta terbang', namun PAC Parlimen mendapati MIGHT melalui VTSB telah meluluskan pelaburan dalam AVSB sebanyak RM20 juta. MEA mengesahkan bahawa dana berkenaan telah disalurkan oleh VTSB kepada AVSB pada 1 November 2019;
- vi) Menteri Pembangunan Usahawan memaklumkan AVSB menggunakan teknologi tempatan tetapi PAC Parlimen mendapati prototaip akan dibina di Jepun memandangkan Jepun mempunyai ekosistem dan kemudahan untuk membina 'kereta terbang'; dan
- vii) PAC Parlimen mengambil maklum bahawa tiada undang-undang sedia ada berkaitan dengan kawal selia dan penggunaan 'kereta terbang' di Malaysia.

7. Sehubungan itu, Jawatankuasa ini, mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:

- i) Kajian dan perancangan yang teliti perlu dilakukan sebelum sesuatu projek dihebahkan kepada pengetahuan umum supaya ia tidak memberikan persepsi yang negatif serta menjadi bahan kritikan oleh pelbagai lapisan masyarakat;
- ii) Kertas Kabinet yang lengkap dan sempurna perlu disediakan dan dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet untuk mendapat kelulusan bagi perkara-perkara yang melibatkan kepentingan rakyat dan negara;

- iii) MED dinasihatkan untuk mewujudkan kerjasama dan koordinasi dengan lain-lain kementerian, jabatan dan agensi dalam melaksanakan sesuatu program atau projek Kerajaan terutama yang menerima publisiti yang luas;
  - iv) MED dinasihatkan membuat *due diligence* yang lengkap sebelum membuat apa-apa pengumuman dan keputusan;
  - v) VTSB perlu membuat pemantauan yang lebih teliti terhadap perbelanjaan yang dibuat oleh AVSB bagi memastikan pelaburan RM20 juta oleh VTSB sebenarnya digunakan untuk tujuan ditetapkan dalam kelulusan pelaburan; dan
  - vi) Jabatan Audit Negara (JAN) diminta membuat pengauditan terhadap pelaburan Kerajaan berjumlah RM20 juta untuk tujuan asal dan bukan untuk projek 'kereta terbang'.
8. Orang ramai yang berminat membaca Laporan PAC Parlimen berhubung Pembangunan *Air Mobility* di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM). berserta dengan *hansard* prosiding boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC Parlimen di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).

Sekian, terima kasih.